



CUKAI JUALAN & CUKAI PERKHIDMATAN

PANDUAN : PENYATA DAN PEMBAYARAN

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

13 Oktober 2020

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: 13 Oktober 2020

Panduan Penyata & Pembayaran sehingga 29 September 2018 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Penyata & Pembayaran yang dikemaskini pada 13 Oktober 2020.

Notis Hak Cipta

Hak Cipta 2020 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah perundangan Cukai Perkhidmatan dan Cukai Jualan yang bertujuan untuk memberi pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

Pengenalan	1
Cukai Perkhidmatan Secara Umum.....	1
Cukai Jualan Secara Umum	1
Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan yang Genap Masa	2
Cukai Perkhidmatan Diimport yang Genap Masa.....	2
Tempoh bercukai cukai jualan dan cukai perkhidmatan	3
Tarikh akhir untuk mengemukakan borang SST-02 & SST-02A.....	4
Kaedah pengemukakan penyata	5
Kuasa untuk menaksir.....	7
Pembetulan kesilapan borang SST-02/SST-02A	7
Pembayaran.....	8
Kaedah pembayaran	8
Waktu pejabat dan waktu pembayaran	9
Tarikh akhir untuk membuat pembayaran.....	10
Tarikh bagi menentukan masa bayaran dianggap diterima.....	10
Penalti bagi lewat bayar cukai	11
Soalan-soalan lazim.....	12
Penyata	12
Pertanyaan	16
Bantuan lanjut dan maklumat berkenaan SST	16

PENGENALAN

1. Panduan ini menyediakan maklumat berkaitan keperluan dan prosedur untuk mengikrar borang SST-02 dan SST-02A serta membuat pembayaran cukai di bawah Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

CUKAI PERKHIDMATAN SECARA UMUM

2. Cukai perkhidmatan adalah cukai yang dikenakan dan dilevikan ke atas mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya seperti di bawah Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 atau mana-mana perkhidmatan bercukai yang diimport.

3. Orang kena cukai adalah mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan bercukai yang bertanggung untuk berdaftar di bawah Seksyen 12 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dengan nilai perkhidmatan bercukai melebihi RM500,000 atau RM1,500,000 dalam tempoh dua belas (12) bulan sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Manakala bagi mana-mana orang yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan memberikan perkhidmatan kad kredit atau kad caj serta mana-mana orang diberi kebenaran untuk bertindak sebagai seorang ejen di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967, tiada had nilai perkhidmatan yang ditetapkan.

CUKAI JUALAN SECARA UMUM

4. Di bawah Akta Cukai Jualan 2018, cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas semua barang bercukai yang dikilangkan di Malaysia oleh pengilang berdaftar sama ada dijual, digunakan atau dilupuskan olehnya atau yang diimport ke dalam Malaysia oleh mana-mana orang.

5. Orang kena cukai bermaksud seorang pengilang berdaftar atau pengilang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah Seksyen 12, Akta Cukai Jualan 2018 dengan nilai jualan melebihi RM500,000 dalam tempoh dua belas (12) bulan.

CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN YANG GENAP MASA

6. Setiap orang kena cukai dan orang selain orang kena cukai dikehendaki mengakaunkan Cukai Perkhidmatan berdasarkan asas pembayaran di mana cukai perlu diambil kira apabila pembayaran perkhidmatan diterima. Walau bagaimanapun, orang berdaftar boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Cawangan Dasar & Pelaksanaan Cukai Perkhidmatan Ibu Pejabat di bawah Seksyen 11(1A) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 untuk mengakaunkan cukai perkhidmatan secara asas akruan (invois dikeluarkan).

7. Bagi pengilang berdaftar pula, cukai jualan hendaklah diakaunkan pada masa barang bercukai itu dijual, dilupuskan selain dengan cara jualan, atau pertama kali digunakan selain sebagai bahan dalam pengilangan barang bercukai, oleh orang kena cukai.

8. Setiap orang kena cukai hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan dan cukai jualan yang genap masa dalam suatu penyata mengikut tempoh bercukai yang ditetapkan. Penyata itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak lewat dari hari terakhir bulan selepas berakhirnya tempoh bercukai orang kena cukai dengan menggunakan Borang SST-02. Semua butiran di dalam Borang SST-02 hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa penyata itu adalah benar dan lengkap dan bersetuju apa-apa notis akan disampaikan kepadanya secara perkhidmatan elektronik.

CUKAI PERKHIDMATAN DIIMPORT YANG GENAP MASA

9. Cukai perkhidmatan diimport dikira genap masa pada masa pembayaran dibuat atau invois diterima atau mana-mana yang lebih awal.

10. Seseorang selain orang kena cukai yang memperoleh perkhidmatan bercukai yang diimport hendaklah mengemukakan perisytiharan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 26A Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dengan menggunakan Borang SST-02A. Penyata itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya selepas pembayaran bagi perkhidmatan itu dibuat atau invoice diterima dengan menggunakan Borang SST-02A. Semua butiran di dalam Borang SST-02A hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa penyata itu adalah benar, tepat dan lengkap dan bersetuju apa-apa notis akan disampaikan kepadanya secara perkhidmatan elektronik.

TEMPOH BERCUKAI CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN

11. Tempoh bercukai yang pertama akan bermula dari tarikh orang kena cukai sepatutnya berdaftar sama ada satu atau dua bulan dan akan berakhir pada hari terakhir bulan berikutnya berdasarkan tempoh penyata kewangan berakhir syarikat. Tempoh bercukai seterusnya hendaklah suatu tempoh selama dua bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan dalam mana-mana tahun kalendar.

12. Contoh tempoh bercukai bagi Tahun Kewangan Berakhir Bulan Ganjil. (Jika tarikh pendaftaran berkuatkuasa pada 1 September 2018).

Bulan Tahun Kewangan Berakhir	Tempoh Bercukai Pertama	Tarikh Akhir Penyata dan Pembayaran	Tempoh Bercukai Seterusnya (Setiap 2 bulan)
Januari	1 – 30 September 2018	1 – 31 Oktober 2018	1 Oktober 2018 - 30 November 2018, 1 Disember 2018 – 31 Januari 2019, 1 Februari 2019 – 31 Mac 2019 dan seterusnya.
Mac			
Mei			
Julai			
September			
November			

13. Contoh tempoh bercukai bagi Tahun Kewangan Berakhir Bulan Genap. (Jika tarikh pendaftaran berkuatkuasa pada 1 September 2018).

Bulan Tahun Kewangan Berakhir	Tempoh Bercukai Pertama	Tarikh Akhir Penyata dan Pembayaran	Tempoh Bercukai Seterusnya (Setiap 2 bulan)
Februari	1 September 2018 – 31 Oktober 2018	1 - 30 November 2018	1 November 2018 - 31 Disember 2018, 1 Januari 2019 - 28 Februari 2019, 1 Mac 2019 - 30 Apr 2019 dan seterusnya.
April			
Jun			
Ogos			
Oktober			
Disember			

14. Walau bagaimanapun, orang kena cukai boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk satu tempoh bercukai selain tempoh sebagaimana yang ditentukan seperti di atas.

TARIKH AKHIR UNTUK MENGEMUKAKAN BORANG SST-02 & SST-02A

15. Orang kena cukai hendaklah mengemukakan penyata melalui Borang SST-02 kepada Ketua Pengarah Kastam tidak lewat dari hari terakhir bulan selepas berakhirnya tempoh bercukai orang berdaftar itu.

16. Jika tempoh bercukai orang kena cukai tidak berakhir pada hari terakhir bulan itu, penyata hendaklah dikemukakan tidak lewat dari hari terakhir bagi tempoh tiga puluh hari dari tarikh akhir tempoh bercukai pelbagai (*varied*).

17. Borang SST-02A hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas pembayaran bagi perkhidmatan diimport itu dibuat olehnya atau invois telah diterima olehnya, yang mana lebih awal.

18. Jika hari terakhir penghantaran penyata jatuh pada cuti umum atau cuti hari minggu Persekutuan, maka hari terakhir mengemukakan penyata adalah hari bekerja berikutnya selepas cuti umum atau cuti hari minggu Persekutuan tersebut.

KAEDAH PENGEMUKAAN PENYATA

19. Pengilang berdaftar dan orang berdaftar boleh mengakses Borang SST-02 melalui sistem MySST.

20. Bagi orang selain orang berdaftar hendaklah *sign up* sebagai pengguna dalam sistem MySST bagi mendapatkan akses untuk mengemukakan Borang SST-02A.

21. Pengemukaan penyata adalah melalui mana-mana cara berikut:

- (i) Menghantar secara elektronik melalui Portal MySST dengan log masuk ke Sistem MySST dengan cara memasukkan 'ID Pengguna' dan 'Kata Laluan' (sila rujuk Panduan Sistem - Manual Pengguna untuk Serahan Penyata Cukai dan Pembayaran Secara Atas Talian);
ATAU

- (ii) Menghantar ke Pusat Pemprosesan Kastam (CPC) melalui pos dengan cara :

- (a) Muat turun Borang SST-02 atau Borang SST-02A dari MySST portal dan taip dengan menggunakan **HURUF BESAR**. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Mengisi Borang SST-02 / SST-02A (Secara Manual); dan
- (b) Borang yang telah lengkap hendaklah **dihantar secara pos** ke alamat berikut:

Pusat Pemprosesan Kastam (CPC),

Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Kompleks Kastam WPKL,
No. 22 Jalan SS 6/3 Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

22. Borang SST-02 / SST-02A yang dikemukakan melalui pos, tarikh penerimaan penyata adalah tarikh cetakan pos yang tertera pada sampul surat. Walau bagaimanapun, bagi penyata yang dikemukakan secara elektronik, tarikh penerimaan penyata adalah berdasarkan tarikh yang diterima oleh sistem MySST.
23. Borang SST-02 hendaklah dikemukakan sama ada terdapat cukai yang perlu dibayar atau tidak (Penyata NIL).
24. Bagi cukai perkhidmatan, sekiranya keseluruhan atau mana-mana bahagian bayaran yang tidak diterima dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh invois bagi perkhidmatan bercukai yang diberikan, cukai tersebut hendaklah diakaunkan selepas tempoh dua belas (12) bulan tersebut.
25. Berdasarkan subseksyen 26(7) Akta Cukai Jualan 2018, mana-mana pengilang berdaftar yang melanggar subseksyen 26 (1), (2), (3) atau (4) Akta Cukai Jualan 2018 atau mengemukakan penyata yang tidak betul adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda sehingga maksimum RM50,000.00 atau maksimum 3 tahun penjara atau kedua-duanya.
26. Menurut subseksyen 26(6) Akta Cukai Perkhidmatan 2018, mana-mana orang kena cukai yang melanggar subseksyen 26 (1), (2), atau (3) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 atau mengemukakan penyata yang tidak betul adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda sehingga maksimum RM50,000.00 atau maksimum 3 tahun penjara atau kedua-duanya.
27. Menurut subseksyen 26A(2), Akta Cukai Perkhidmatan 2018, mana-mana orang selain orang kena cukai yang melanggar subseksyen 26A(1) atau mengemukakan penyata yang tidak betul adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda sehingga maksimum RM50,000.00 atau maksimum 3 tahun penjara atau kedua-duanya.

KUASA UNTUK MENAKSIR

28. Ketua Pengarah Kastam boleh menaksir mengikut pertimbangan terbaiknya bagi amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar dan penalti yang kena dibayar oleh orang kena cukai itu jika ada, selaras dengan Seksyen 27 Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

29. Notis penilaian akan dihantar kepada orang kena cukai yang disemak secara bertulis.

PEMBETULAN KESILAPAN BORANG SST-02/SST-02A

30. Mana-mana orang yang membuat kesilapan dalam apa-apa Borang SST-02/SST-02A yang dikemukakan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 hendaklah membetulkannya dalam sistem MySST mengikut keadaan seperti berikut:

KEADAAN	TINDAKAN
Sebelum tarikh akhir pengemukaan penyata dan bayaran belum dibuat	Tiada had pindaan
Sebelum tarikh akhir pengemukaan penyata dan bayaran telah dibuat	Tiada pindaan dibenarkan.
Selepas tarikh akhir pengemukaan penyata	Tiada pindaan dibenarkan.

31. Pembetulan kesilapan yang tidak boleh dibuat melalui sistem MySST, permohonan perlu dihantar secara bertulis kepada stesen mengawal untuk tujuan verifikasi.

PEMBAYARAN

32. Mana-mana orang yang dikehendaki untuk mengemukakan Borang SST-02/ SST-02A mesti membayar kepada Ketua Pengarah Kastam amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar olehnya.

KAEDAH PEMBAYARAN

33. Pembayaran cukai boleh dibuat secara elektronik melalui sistem MySST [*Financial Process Exchange (FPX)*] atau secara manual melalui cek atau draf bank sahaja. Pembayaran secara elektronik hanya menerima pembayaran penuh sahaja. Pembayaran secara tunai adalah **tidak dibenarkan**.

34. Bayaran maksimum bagi kaedah Pembayaran Korporat (B2B) adalah RM100 juta. Manakala bayaran maksimum bagi kaedah Pembayaran Individu (B2C) adalah RM100,000. Sekiranya bayaran melebihi had maksimum, pembayaran hendaklah dibuat secara manual melalui cek atau draf bank sahaja dan dipos kepada Pusat Pemprosesan Kastam (CPC).

35. Untuk pembayaran secara manual, **cek atau bank draf hendaklah dilampirkan bersama Borang SST-02/SST-02A** yang telah dihantar dan di pos kepada :

Pusat Pemprosesan Kastam (CPC)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Kompleks Kastam WPKL

No. 22 Jalan SS 6/3 Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya, Selangor.

36. Cek atau draf bank mesti dibuat atas nama **KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**.

37. Bagi penyata dan pembayaran yang dikemukakan secara manual, cek atau deraf bank hendaklah dikemukakan bersama dengan penyata yang telah dilengkapkan dan dipos sahaja.

38. Maklumat penting yang perlu ditulis di belakang cek :

- (i) Nama Syarikat – contoh : *Syarikat ABC*
- (ii) Nombor SST – contoh : *W24-1808- 31006XXX*
- (iii) Tempoh Bercukai (Borang SST-02)
– contoh : *01.09.2019 – 30.09.2019*
- (iv) Tempoh Pengisytiharan (Borang SST-02A)
– contoh : *07.07.2019 – 31.08.2019*
- (v) Nombor Telefon – contoh : *03-8888 9999*

WAKTU PEJABAT DAN WAKTU PEMBAYARAN

39. Pembayaran secara elektronik boleh dibuat pada bila-bila masa (24 jam) manakala penerimaan pembayaran secara manual adalah berdasarkan waktu biasa urusan pejabat pentadbiran cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang dibuka pada waktu seperti berikut:

- (i) Bagi negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan). Jika hari kelepasan mingguan ialah Sabtu dan Ahad, waktu urusan adalah dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat.
- (ii) Bagi negeri Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu yang hari kelepasan mingguan Jumaat dan Sabtu, waktu urusan adalah :
 - (a) Dari 8.00 pagi – 5.00 petang pada hari Ahad hingga Rabu ; dan
 - (b) Dari 8.00 pagi hingga 3.30 petang pada hari Khamis.

40. Menurut peraturan 35(2) Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018 dan peraturan 28(2) Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 bagi maksud penerimaan penyata dan pembayaran cukai, penalti, surcaj, fi dan wang lain melalui perkhidmatan elektronik, waktu biasa adalah dari 7.30 pagi hingga 11.30 malam pada mana-mana hari dalam minggu itu. Transaksi pembayaran secara elektronik yang dilakukan selepas pukul 11.30 malam akan dianggap diterima pada hari berikutnya.

41. Jika hari terakhir pembayaran cukai jatuh pada cuti umum Persekutuan atau cuti hari minggu Persekutuan, maka hari terakhir mengemukakan pembayaran adalah pada hari bekerja berikutnya selepas cuti umum Persekutuan atau cuti hari minggu Persekutuan tersebut.

TARIKH AKHIR UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN

42. Apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar berkenaan dengan tempoh bercukai atau tempoh pengisytiharan, hendaklah dibayar tidak lewat dari hari terakhir yang dikehendaki untuk mengemukakan Borang SST-02/ SST-02A.

TARIKH BAGI MENENTUKAN MASA BAYARAN DIANGGAP DITERIMA

43. Bagi bayaran yang dikemukakan secara elektronik, tarikh penerimaan bayaran adalah berdasarkan tarikh yang dijana oleh sistem MySST. Sekiranya pembayaran dibuat melalui FPX, hanya pembayaran penuh sahaja dibenarkan.

44. Bagi bayaran (cek/ deraf bank) yang dikemukakan melalui pos, tarikh penerimaan bayaran adalah pada tarikh tanda pos.

45. Bagi bayaran yang dikemukakan melalui kurier, tarikh penerimaan bayaran adalah pada tarikh nombor jejak direkodkan dalam sistem (*tracking system*) syarikat perkhidmatan kurier tersebut.

PENALTI BAGI LEWAT BAYAR CUKAI

46. Jika apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana orang selepas hari terakhir cukai itu genap masa dan kena dibayar, mana-mana orang itu hendaklah membayar penalti : -

- (i) untuk tempoh tiga puluh hari yang pertama, cukai yang tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas habis tempoh bercukai itu, penalti sebanyak sepuluh peratus daripada jumlah cukai yang masih belum dibayar;
- (ii) untuk tempoh tiga puluh hari kedua, cukai yang tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh bercukai itu, penalti tambahan sebanyak lima belas peratus daripada jumlah cukai yang masih belum dibayar;
- (iii) untuk tempoh tiga puluh hari ketiga, cukai yang tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh itu, suatu penalti tambahan sebanyak lima belas peratus daripada jumlah cukai yang masih belum dibayar.

Tempoh lewat pembayaran Cukai	Kadar Penalti
1 hingga 30 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	10%
31 hingga 60 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	10% + 15% = 25%
61 hingga 90 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	10% + 15% + 15% = 40%
91 hari dan ke atas dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	40% (maksimum) (10% + 15% + 15%)

SOALAN-SOALAN LAZIM

PENYATA

1. **S : Apakah perbezaan antara Borang SST-02 dengan Borang SST-02A?**

J : Borang SST-02 hanya boleh digunakan oleh orang kena cukai yang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018 atau Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Manakala Borang SST-02A pula hanya boleh digunakan oleh orang selain orang kena cukai yang memperoleh perkhidmatan bercukai yang diimport.

2. **S : Bolehkah Borang SST-02/SST-02A dihantar secara manual?**

J : Ya. Borang SST-02/SST-02A boleh dihantar secara manual dengan cara:

- (i) Muat turun Borang SST-02/SST-02A melalui MySST portal dan **taip** dengan menggunakan **HURUF BESAR**; dan
- (ii) Borang yang telah lengkap hendaklah **dihantar secara POS SAHAJA** ke alamat berikut :

Pusat Pemprosesan Kastam (CPC)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Kompleks Kastam WPKL

No. 22 Jalan SS 6/3 Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya, Selangor.

3. **S : Bolehkah pindaan Borang SST-02/SST-02A dibuat setelah penyata dihantar?**

J : Pindaan boleh dibuat berdasarkan jadual di bawah :

KEADAAN	TINDAKAN
Sebelum tarikh akhir pengemukaan penyata dan bayaran belum dibuat	Tiada had pindaan
Sebelum tarikh akhir pengemukaan penyata dan bayaran telah dibuat	Tiada pindaan dibenarkan.
Selepas tarikh akhir pengemukaan penyata	Tiada pindaan dibenarkan.

4. **S : Saya telah menghantar Borang SST-02 bagi tempoh bercukai November-Disember 2018 dan pembayaran telah dibuat. Walau bagaimanapun, terdapat cukai yang masih belum diikrar pada tempoh bercukai tersebut. Apakah yang perlu saya lakukan?**

J : Cukai yang masih belum diikrar boleh dibuat melalui pautan *Supplement* bagi tempoh bercukai tersebut dalam sistem MySST. Pautan *Supplement* boleh didapati pada penyata asal tempoh cukai tersebut.

5. **S : Berhubung dengan soalan 4, sekiranya saya mengikrar cukai tersebut selepas tarikh akhir pengikraran, adakah saya masih boleh mengikrar cukai tersebut melalui pautan *Supplement*?**

J : Ya. Walau bagaimanapun, penalti akan dikenakan mengikut jadual seperti di perenggan 46 (iii).

6. **S : Sekiranya saya terlebih bayar cukai, apakah tindakan yang perlu dibuat?**

J : Mana-mana orang yang terlebih bayar atau tersilap bayar cukai, surcuj, penalti, fi atau wang lain boleh membuat permohonan pembayaran balik melalui Borang JKDM No.2 dan hendaklah dihantar kepada stesen mengawal. Sila rujuk Panduan Umum Cukai Perkhidmatan dan Panduan Umum Cukai Jualan untuk maklumat lanjut.

PEMBAYARAN

7. **S : Apakah kaedah pembayaran yang boleh dibuat?**

J : Pembayaran boleh dibuat melalui dua (2) kaedah iaitu:

- (i) Secara elektronik melalui sistem MySST (*Financial Process Exchange* (FPX)); **ATAU**
- (ii) Secara manual melalui cek atau deraf bank sahaja. Pembayaran secara tunai adalah tidak dibenarkan.

8. S : Bolehkah pembayaran secara manual dibuat di mana-mana stesen kastam berhampiran?

J : Tidak boleh. Pembayaran secara manual **HANYA** boleh dibuat melalui pos ke Pusat Pemprosesan Kastam (CPC) sahaja.

9. S : Jika saya memilih untuk membuat pembayaran secara manual, apakah dokumen-dokumen yang diperlukan?

J : Bagi pembayaran secara manual, dokumen berikut perlu dikemukakan ke CPC:

- (i) Salinan penyata SST-02/SST-02A yang telah dihantar secara atas talian; atau
- (ii) Borang SST-02/SST-02A yang dimuat turun dan lengkap diisi secara manual; dan
- (iii) Cek pembayaran yang mengandungi maklumat-maklumat di belakang cek seperti berikut:
 - (a) Nama Syarikat – contoh: *Syarikat ABC*
 - (b) Nombor SST – contoh : *W24-YYMM-XXXXXXXXX*
 - (c) Tempoh Bercukai(Borang SST-02)
– contoh : *01.09.2019 – 30.09.2019*
 - (d) Tempoh Pengisytiharan (Borang SST-02A)
– contoh : *07.07.2019 – 31.08.2019*
 - (e) Nombor Telefon – contoh : *03-8888 9999*

10 S : Jika saya memilih untuk membuat pembayaran melalui perkhidmatan elektronik (melalui FPX sahaja), bilakah transaksi tersebut akan diambil kira?

J : Bagi bayaran yang dikemukakan secara elektronik, tarikh penerimaan bayaran adalah berdasarkan tarikh yang dijana oleh sistem MySST. Bagi maksud penerimaan pembayaran cukai, penalti, surcaj dan wang lain melalui perkhidmatan elektronik, waktu biasa adalah dari 7.30 pagi hingga 11.30 malam pada mana-mana hari dalam minggu itu.

11 S : Sekiranya hari terakhir pembayaran SST jatuh pada cuti umum atau cuti hari minggu Persekutuan, bilakah hari terakhir pembayaran akan diambil kira?

J : Jika hari terakhir pembayaran cukai jatuh pada cuti umum atau cuti hari minggu Persekutuan, maka hari terakhir mengemukakan pembayaran adalah pada hari bekerja berikutnya selepas cuti umum atau cuti hari minggu Persekutuan tersebut.

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan mengenai panduan ini sila hubungi:

Bahagian Cukai Dalam Negeri
Cawangan Kawalan dan Pemantauan Cukai Dalam Negeri
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 7, Blok A, Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.

BANTUAN LANJUT DAN MAKLUMAT BERKENAAN SST

Maklumat lanjut tentang SST boleh diperolehi dari:

- (i) Laman web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam:
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Fax : 03-7806 7599
 - Email : ccc@customs.gov.my